

Media Title : Harian Metro
Headline : Hilang RM749k ditipu phone scam
Date : 22 May 2026
Section : Lokal
Page : 19



Hilang **RM749k** ditipu *phone scam*

Wang suri rumah lesap, terpaksa tanggung pinjaman bank selepas diperdaya 'wakil insurans', 'polis'

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Malang berganda dialami seorang suri rumah apabila tidak hanya kehilangan wang simpanan, malah terpaksa menanggung hutang bank selepas diperdaya sindiket *phone scam*.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, mangsa wanita berusia 43 tahun mula diperdaya selepas menerima panggilan telefon oleh suspek menyamar sebagai wakil insurans dan polis pada 13 Julai tahun lalu.

Katanya, sindiket memaklumkan kononnya mangsa terbabit dalam kes pengubahan wang haram

membabitkan akaun bank miliknya.

"Mangsa kemudian diminta membuka dua akaun bank kononnya bagi tujuan siasatan dan maklumat berkaitan perbankan itu perlu diserahkan kepada mereka.

"Mangsa juga diminta membuat bayaran ke akaun diberikan sindiket kononnya untuk siasatan Bank Negara Malaysia (BNM)," katanya.

Beliau berkata, mangsa memindahkan wang ke beberapa akaun bank berjumlah RM749,000.

Azli berkata, mangsa membuat bayaran antara Ogos tahun lalu hingga Januari lalu menggunakan wang simpanan dan wang pinjaman bank.

Menurutnya, mangsa hanya menyedari ditipu se-

lepas membuat semakan dan mendapati nombor telefon yang berhubung dengannya adalah *scammer*.

Katanya, sumber kewangan milik mangsa adalah wang simpanan peribadi dan pinjaman dari bank dibuat oleh mangsa.

Dalam kejadian berasingan, beliau berkata, seorang wanita warga emas mengalami kerugian RM50,692 selepas terjerat dengan pelaburan tidak wujud.

"Mangsa yang berusia 63 tahun membuat laporan polis kira-kira jam 12.12 tengah hari kelmarin di Balai Polis Daerah Kuala Terengganu.

"Mangsa ditipu selepas tertarik pada iklan pelaburan saham melalui akaun Facebook menggunakan nama Abang Helmey pada



AZLI

ada 27 April lalu," katanya.

Menurutnya, mangsa yang berminat dengan tawaran pelaburan itu menekan pautan pada iklan yang disambungkan ke aplikasi WhatsApp.

Katanya, mangsa kemu-

dian berhubung dengan Abang Helmey dan diminta bercakap dengan pengurus pelaburan bernama Shahida.

Beliau berkata, mangsa memilih pakej pelaburan bermodalkan RM350 yang menjanjikan keuntungan dalam tempoh 3 hingga 6 jam.

"Mangsa kemudian membuat transaksi pemindahan yang pertama ke dalam satu akaun diberikan berjumlah RM300 dan diberitahu keuntungan akan diterima pada hari sama.

"Mangsa juga diberitahu bahawa pelaburannya sudah memperoleh keuntungan RM20,039, tetapi untuk mengeluarkan keuntungan itu, mangsa perlu membuat pembayaran RM1,450 bagi mengeluarkan wang keuntungan," ka-

tanya.

Beliau berkata, oleh kerana percaya akan menerima keuntungan itu, mangsa membuat enam lagi transaksi pemindahan wang sebanyak RM50,392 dalam lima akaun berbeza bermula 27 April sehingga 19 Mei lalu.

Tambahnya, mangsa menyedari diperdaya selepas masih diminta untuk melakukan pemindahan wang lain dan tidak menerima sebarang keuntungan yang dijanjikan.

Menurutnya, mangsa memaklumkan mengalami kerugian sebanyak RM50,692 dan menyatakan wang terbabit adalah hasil wang simpanan dan terpaksa menjual tanah.

Katanya, kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.